



Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (94)  
Tarikh : 03 Jamadilakhir 1442H  
16 Januari 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2021**

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan yang diumumkan oleh YB Menteri Kanan (Keselamatan) dalam sidang media pada 15 Januari 2021 mengumumkan bahawa **seluruh Negeri Kelantan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa mulai 16 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021.**

3. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berterusan, Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dengan ini bersetuju seluruh perkhidmatan Kerajaan Negeri beroperasi sepenuhnya dengan kehadiran pegawai di pejabat seperti Jadual 1 di bawah:-

**Jadual 1 : Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri**

<b>Kehadiran bertugas</b>	Perkhidmatan perlu ( <i>essential services</i> ) – 100% <b>(Senarai <i>Essential Services</i> seperti di Lampiran I)</b>  - Kehadiran pegawai bagi Bahagian/Unit yang terlibat secara langsung dengan Perkhidmatan perlu ( <i>essential services</i> ) tertakluk kepada Ketua Jabatan dengan mematuhi SOP penjarakan.
	Perkhidmatan lain – maksimum 30%  - Kehadiran pegawai tertakluk kepada keperluan dan arahan dari semasa ke semasa yang difikirkan sesuai oleh Ketua Jabatan.

4. Bagi memastikan fungsi perkhidmatan asas dan bebanan kerja di Jabatan masing-masing tidak terjejas serta dapat dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan, maka Ketua Jabatan hendaklah menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan bertugas di pejabat seperti mana Jadual 1 dan lain-lain pegawai adalah diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) dan perlu mematuhi peraturan BDR sebagaimana berikut:

- (a) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan;
- (b) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
- (c) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

5. Sehubungan dengan itu, semua aktiviti sosial yang melibatkan perkumpulan beramai-ramai seperti persidangan, seminar, kursus dan sukan berkumpul adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali. **Kehadiran mesyuarat dan kursus di luar Kelantan adalah tidak dibenarkan manakala penganjuran mesyuarat di peringkat jabatan dan negeri hanya dibenarkan dalam skala kecil sahaja.**

6. Ketua Jabatan diminta menyesuaikan serta melaksanakan kaedah pengoperasian perkhidmatan ini di jabatan/ agensi masing-masing dan dalam masa yang sama perlu memastikan prosedur operasi standard (SOP) keselamatan dan kesihatan seperti pelaksanaan saringan suhu, penjarakan fizikal, pemakaian topeng muka (*face mask*) serta sanitasi tangan (*hand sanitizer*) terus diamalkan.

7. Pelaksanaan operasi perkhidmatan ini dipersetujui berkuatkuasa **mulai 16 Januari 2021 sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Negeri Kelantan ditamatkan.**

Sekian, terima kasih.

**\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT \***  
**\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN \***

Saya yang menandatangani amanah,



**DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES) (WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN P.U.(A) 8/12.01.2021)**

**Perkhidmatan**

1. Keselamatan dan pertahanan
2. Kewangan
3. Institusi kewangan termasuk perbankan, insurans, takaful, bursa dan institusi lain yang dilesenkan, diluluskan atau didaftarkan oleh Bank Negara Malaysia
4. Entiti pasaran modal yang dilesenkan, didaftarkan atau dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
5. Perbandaran dan Kerajaan Tempatan
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembentungan
7. Pembersihan awam
8. Pembersihan dan sanitasi premis
9. Infrastruktur telekomunikasi dan digital termasuk perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi dan perkhidmatan perniagaan global
10. E-dagang termasuk perkhidmatan *e-marketplace*, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat
11. Pajak gadai dan syarikat peminjam wang berlesen
12. Hotel dan penginapan
13. Pertanian, perikanan dan penternakan termasuk perkhidmatan veterinar
14. Pengurusan ladang, sarang burung walit, ladang kuda, loji pemprosesan haiwan, rumah sembelihan, ternakan, kilang makanan haiwan ternakan, kedai haiwan kesayangan.
15. Pengawalan penyakit dan pengawalseliaan pengeluaran ternakan hidup, pengawalseliaan input ternakan dan keluaran berkaitan industri ternakan termasuk eksport dan import.
16. Pengurusan kesihatan haiwan
17. Utiliti termasuk perkhidmatan keselamatan bekalan, pembaikan, penyelenggaraan dan bacaan meter air dan tenaga.
18. Perkhidmatan profesional dalam bidang saintifik, penyelidikan dan pembangunan, teknikal dan penyenggaraan termasuk akauntan, peguam, auditor, jurutera dan arkitek.
19. Kawalan keselamatan
20. Pengangkutan melalui darat, air atau udara.
21. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang termasuk pemunggahan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi.